

KPDNHEP TUARAN MENYITA 340 LITER DIESEL BERSUBSIDI

February 17, 2020



Oleh AZIS KHAN

RANAU: Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tuaran menyita 340 liter minyak diesel bersubsidi kerana disyaki dijual tanpa sebarang permit yang sah.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Tuaran, Siti Kamaliah Syamsuddin berkata, disebabkan berlaku aktiviti penyelewengan dalam penjualan barang kawalan itu, pihaknya melakukan serbuan ke atas sebuah premis di Ranau.

"Serbuan ke atas premis yang dijalankan pada 11 pagi tadi membolehkan anggota penguatkuasa menemui minyak diesel yang disyaki minyak diesel bersubsidi sebanyak 340 liter atau bernilai RM680 yang disimpan di sebuah premis di sebuah kampung.

"Serbuan ini susulan daripada aduan yang diterima daripada orang awam dan hasil risikan yang dijalankan," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Menurutnya, berdasarkan maklumat awal, minyak diesel tersebut disyaki dijual kepada penduduk kampung berhampiran.

"Siasatan awal mendapati pemilik premis tersebut juga tidak mempunyai sebarang kebenaran bertulis atau permit untuk menyimpan dan menjual barang kawalan tersebut daripada Pengawal Bekalan Malaysia.

"Kes ini disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk tindakan selanjutnya," ujarnya.

